

Bil. S 43

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERUNTUKAN TAMBAHAN DARI KUMPULANWANG

KEMAJUAN (2011/2012), 2012

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 48/11) bertarikh 9 haribulan Ogos, 2011 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang \$1,050,000,000 (seribu lima puluh juta ringgit) telah dibenarkan dengan ketetapan Majlis Mesyuarat Negara pada 14 haribulan Mac, 2011 dari Kumpulanwang Kemajuan bagi tahun 2011/2012;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk membenarkan dan memperuntukkan satu jumlah wang tambahan sebanyak sembilan puluh lima juta, tujuh ratus dua puluh dua ribu, lima ratus tujuh puluh tujuh ringgit (\$95,722,577) untuk membayar perbelanjaan yang disebutkan dalam Jadual di bawah ini;

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Peruntukan Tambahan dari Kumpulanwang Kemajuan (2011/2012), 2012.

Pengeluaran dan peruntukan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan puluh lima juta, tujuh ratus dua puluh dua ribu, lima ratus tujuh puluh tujuh ringgit (\$95,722,577) dari Kumpulanwang Kemajuan adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

[1] Tajuk	[2] Gelaran	[3] Jumlah Yang Diperuntukkan
901	Pertanian	\$383,134
902	Perhutanan	\$599,081
903	Perikanan	\$1,427,645
904	Kemajuan Perusahaan	\$1,224,946
906	Pendidikan	\$3,336,566
907	Jalan Raya	\$113,988
908	Penerbangan Awam	\$50,250
909	Laut dan Pelabuhan	\$123,208
910	Elektrik	\$1,035,631
915	Perubatan dan Kesihatan	\$3,119,182
918	Kemudahan Awam dan Projek Alam Sekitar	\$226,000
919	Bangunan Awam	\$9,031,441
920	Perumahan Negara	\$18,978,776
921	Hal Ehwal Agama	\$350,100
922	Sains & Teknologi dan Penyelidikan & Pembangunan	\$2,676,024
923	Teknologi Maklumat dan Info Komunikasi	\$18,299,652
924	Sumber Tenaga Manusia	\$19,841,474
926	ABDB Penanjong	\$590,700
927	ABDB Muara	\$1,560,000
929	Projek BEDB	\$8,057,997
930	Polis	\$3,456,518
931	Pengaliran Air	\$231,000

JADUAL – *Sambungan*

[1] Tajuk	[2] Gelaran	[3] Jumlah Yang Diperuntukkan
932	Simpanan Gagasan	\$1,017
933	Kemajuan Tapak	\$21,402
934	Yuran Perunding	\$986,845
		\$95,722,577

Diperbuat pada hari ini 1 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 23 haribulan April, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM